

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - KEWANGAN
Zakat dan Fitrah**

Seksyen 75. Kuasa membuat peraturan-peraturan.

(1) Majlis dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pemungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk-

(a) menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiaptiap orang Islam di dalam Negeri Melaka;

(b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;

(c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan

(d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.
